

11 FEB 1999

Norian-Helikopter

HELIKOPTER PDRM AKAN BEROPERASI SEPERTI BIASA

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Perkhidmatan helikopter Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan digantung berikutan nahas membabitkan helikopter polis di Kelantan semalam, kata Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai hari ini.

Beliau yang kini menjalankan tugas Ketua Polis Negara berkata polis akan menjalankan siasatan dengan bantuan badan-badan tertentu berhubung kejadian itu bagi mencari punca sebenar nahas.

"Masih terlalu awal untuk menentukan sebab-sebab kemalangan dan setakat ini helikopter PDRM yang lain akan beroperasi seperti biasa," katanya kepada pemberita selepas majlis Hari Raya di Bukit Aman di sini.

Dalam kejadian semalam, lima orang -- tiga anggota polis dan dua kakitangan Jabatan Alam Sekitar (JAS) -- cedera apabila helikopter milik PDRM yang membuat rondaan bersama JAS terhempas ketika cuba melakukan pendaratan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa pada pukul 11.05 pagi.

Helikopter yang ditugaskan di Kelantan untuk menjalankan kerja-kerja pengawasan dan pemerhatian berkaitan alam sekitar berlepas dari lapangan terbang itu pukul 10.19 pagi dan berpatah balik setelah pesawat itu dilaporkan mengalami kerosakan.

Unit Udara PDRM memiliki 10 helikopter jenis SA 355 Acureil dan tujuh daripadanya berpangkalan di Sungai Besi, di sini bagi operasi di Semenanjung manakala tiga lagi berpangkalan di Kota Kinabalu, Sabah untuk operasi udara di Sabah dan Sarawak.

Ketika ditanya mengenai suruhanjaya siasatan yang ditubuhkan untuk menyiasat kecederaan pada Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis, Norian berkata polis akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada suruhanjaya itu.

"Sudah pasti, bila diperlukan, kita akan memberi kerjasama penuh dari segi menyediakan saksi atau memberi senarai saksi kes itu kepada suruhanjaya berkenaan," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata sehingga kini suruhanjaya itu belum meminta apa-apa dokumen atau kenyataan daripada polis.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan suruhanjaya itu bulan lepas bagi menyiasat kecederaan bekas timbalan perdana menteri itu semasa dalam tahanan polis, September lepas.

Suruhanjaya berkenaan dianggotai bekas Hakim Besar Malaya Tan Sri Anuar Zainal Abidin, bekas hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mahadev Shankar dan pakar ortopedik Datuk Dr Yeoh Poh Hong dengan bekas Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman mengendalikan penyiasatan itu.

-- BERNAMA

SN AHH RON